



ORANG ramai beratur panjang untuk menyemak penyata akaun peribadi bagi membuat permohonan wang tak dituntut di Menara Maybank, Kuala Lumpur kelmarin.



MENARA Maybank, Kuala Lumpur dipenuhi orang ramai sejak minggu lalu untuk menyemak baki wang tak dituntut.

## Rakyat Malaysia berpeluang mohon duit berbilion ringgit

# RM5.8 billion wang tak dituntut

Oleh NADZARUL AMIR ZAINAL AZAM,  
NUR EMIRA SAZAHLI, NOR FATIHAH ISMAIL  
dan ADIL AIZUDDIN YUSOF

**K**UALA LUMPUR – Rakyat Malaysia berpeluang menuntut hampir RM5.8 bilion wang tak dituntut (WTD) yang kini masih berada dalam simpanan Jabatan Akauntan Negara selaku pemegang amanah.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Othman Aziz berkata, jumlah itu melibatkan lebih 55 juta akaun seperti simpanan, semasa atau perniagaan sejak tahun 1977 yang direkodkan sehingga 30 Jun lalu.


Beliau berkata, sebanyak 25 kaunter Bahagian WTD disediakan di seluruh negara untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai.

“Ia melibatkan sebanyak 13 kaunter di Semenanjung Malaysia, Sarawak (7) dan Sabah (4). Kita juga akan membuka sebuah kaunter baharu di Putrajaya dalam masa terdekat.

“Individu yang terbabit perlu hadir sendiri ke mana-mana kaunter WTD untuk membuat semakan dan menuntut wang mereka,” katanya.

Beliau memberitahu sebagai pemegang amanah, kerajaan bertanggungjawab

Bahagian Pengurusan Wang  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Tingkat 42, Menara Maybank  
109, Jalan Tun Perak  
50050 KUALA LUMPUR  
Tel. 03-2056 8000 Fax. 03-20267438/20725707



SEORANG peniaga, Idah Basri bakal menerima RM13,253 (dalam bulatan) selepas membuat permohonan wang tak dituntut di pejabat Jabatan Akauntan Negara minggu lalu.

sepenuhnya ke atas wang tersebut dan sentiasa memastikan ia selamat dalam pegangan kerajaan sehingga dituntut.

“Dalam tempoh itu, wang sebanyak RM5.77 bilion tersebut akan diurus mengikut tata cara kewangan yang berkuat kuasa,” katanya.

Othman menjelaskan, WTD merupakan wang yang perlu dibayar di sisi undang-undang kepada pemilik yang

sepatutnya dalam tempoh masa tertentu seperti ditetapkan oleh Akta WTD 1965.

Beliau memberitahu, WTD terbahagi kepada tiga kategori iaitu wang yang kena dibayar di sisi undang-undang kepada empunya tetapi tidak dibayar dalam tempoh melebihi satu tahun.

“Wang dalam kredit sesuatu akaun yang tidak dikendalikan oleh empunya dengan apa cara sekali pun dalam tempoh masa melebihi tujuh tahun.

“Yang ketiga pula wang dalam kredit sesuatu akaun dagangan yang tidak dikendalikan melalui apa-apa urus niaga dalam tempoh lebih dua tahun,” ujarnya.

Difahamkan sebanyak RM1.57 bilion sudah dibayar kepada pemiliknya setakat ini.

Beliau menjawab soalan tambahan **Datuk Mohd. Zaim Abu Hasan (BN-Parit)** yang meminta Menteri Kewangan menyatakan langkah serta strategi kerajaan dalam menyelesaikan permasalahan WTD di Dewan Rakyat semalam.

Jumlah WTD milik rakyat Malaysia sebanyak RM5.8 bilion itu hampir menyamai kos pembinaan bangunan tertinggi di dunia, Burj Khalifa di Dubai, Emiriyah Arab Bersatu yang dibina dengan kos lebih RM6 bilion.